



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. **9 (86)**
Tarikh : **5** Oktober 2024

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 10
TAHUN 2024**

**KALENDAR AKADEMIK SESI 2025/2026 BAGI SEKOLAH KERAJAAN DAN
SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Kalendar Akademik Sesi 2025/2026 bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa Kalendar Akademik Sesi 2025/2026 akan bermula pada **16 Februari 2025 hingga 10 Januari 2026** bagi sekolah di negeri **Kumpulan A** (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) dan pada **17 Februari 2025 hingga 11 Januari 2026** bagi sekolah di negeri **Kumpulan B** (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya) seperti dalam **Lampiran A dan Lampiran B**.

3. Kementerian juga telah menyelaraskan tarikh-tarikh cuti perayaan sepanjang tempoh sesi persekolahan 2025/2026 yang melibatkan perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Pesta Kaamatan, Hari Gawai Dayak dan Hari Krismas. Maklumat terperinci berhubung cuti perayaan bagi sesi persekolahan 2025/2026 adalah seperti dalam **Lampiran C**. Semua sekolah hendaklah mematuhi peruntukan cuti tambahan oleh KPM sempena perayaan utama bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Deepavali. Peruntukan cuti tambahan berkenaan **tidak perlu diganti**.

4. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai hari pertama persekolahan Kalendar Akademik Sesi 2025/2026.

5. Kalendar Akademik Sesi 2025/2026 boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my>.

6. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

KALENDAR AKADEMIK SESI 2025/2026

KUMPULAN A :

Sekolah-sekolah di negeri: Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU
1	16.02.2025	28.02.2025	10	15
	01.03.2025	31.03.2025	20	
	01.04.2025	30.04.2025	19	
	01.05.2025	28.05.2025	18	
	JUMLAH HARI			
	CUTI PENGGAL 1, SESI 2025/2026			
29.05.2025 - 09.06.2025			12	
2	10.06.2025	30.06.2025	15	14
	01.07.2025	31.07.2025	23	
	01.08.2025	31.08.2025	20	
	01.09.2025	11.09.2025	9	
	JUMLAH HARI			
	CUTI PENGGAL 2, SESI 2025/2026			
12.09.2025 - 20.09.2025			9	
3	21.09.2025	30.09.2025	8	13
	01.10.2025	31.10.2025	19	
	01.11.2025	30.11.2025	21	
	01.12.2025	18.12.2025	14	
	JUMLAH HARI			
	CUTI AKHIR PERSEKOLAHAN SESI 2025/2026			
19.12.2025 - 10.01.2026			23	

KALENDAR AKADEMIK SESI 2025/2026

KUMPULAN B :

Sekolah-sekolah di negeri: Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU	
1	17.02.2025	28.02.2025	10	15	
	01.03.2025	31.03.2025	20		
	01.04.2025	30.04.2025	18		
	01.05.2025	28.05.2025	18		
	JUMLAH HARI			66	1
	CUTI PENGGAL 1, SESI 2025/2026				
29.05.2025 - 09.06.2025			12		
2	10.06.2025	30.06.2025	14	14	
	01.07.2025	31.07.2025	23		
	01.08.2025	31.08.2025	21		
	01.09.2025	12.09.2025	8		
	JUMLAH HARI			66	1
	CUTI PENGGAL 2, SESI 2025/2026				
13.09.2025 - 21.09.2025			9		
3	22.09.2025	30.09.2025	7	13	
	01.10.2025	31.10.2025	20		
	01.11.2025	30.11.2025	20		
	01.12.2025	19.12.2025	15		
	JUMLAH HARI			62	3
	CUTI AKHIR PERSEKOLAHAN SESI 2025/2026				
20.12.2025 - 11.01.2026			23		

CUTI PERAYAAN SESI 2025/2026

CUTI PERAYAAN	TAMBAHAN CUTI PERAYAAN YANG DIPERUNTUKKAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)		
	KUMPULAN A	KUMPULAN B	CATATAN
HARI RAYA AIDILFITRI 31.03.2025 (Isnin) dan 01.04.2025 (Selasa)	30.03.2025 (Ahad)	02.04.2025 (Rabu)	Tiga (3) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Kumpulan B
	02.04.2025 (Rabu)	03.04.2025 (Khamis)	
	03.04.2025 (Khamis)	04.04.2025 (Jumaat)	
HARI DEEPAVALI 20.10.2025 (Isnin) (kecuali Negeri Sarawak)	19.10.2025 (Ahad) dan 21.10.2025 (Selasa)	21.10.2025 (Selasa) dan 22.10.2025 (Rabu) Semua Negeri Kumpulan B kecuali Negeri Sarawak	Dua (2) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Kumpulan B
		20.10.2025 (Isnin) Negeri Sarawak sahaja	Satu (1) Hari Cuti Peruntukan KPM

KUMPULAN A:

Sekolah-sekolah di negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu

KUMPULAN B:

Sekolah-sekolah di negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya

CATATAN:

- Perayaan Tahun Baru Cina Tahun 2025 : 29 & 30 Januari 2025 (Dalam Cuti Akhir Persekolahan Sesi 2024/2025)
- Pesta Kaamatan (Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja) : 30 & 31 Mei 2025 (Dalam Cuti Penggal 1, Sesi 2025/2026)
- Perayaan Hari Gawai Dayak (Sarawak sahaja) : 01 & 02 Jun 2025 (Dalam Cuti Penggal 1, Sesi 2025/2026)
- Perayaan Hari Krismas : 25 Disember 2025 (Dalam Cuti Akhir Persekolahan Sesi 2025/2026)